

Headline	Putrajaya, Shah Alam catat IPU tak sihat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	69,985
Page No	24	Readership	209,955
Language	Malay	ArticleSize	104 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,585
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,755



Putrajaya, Shah Alam catat IPU tak sihat

Putrajaya: Dua lokasi masing-masing di Putrajaya dan Shah Alam, Selangor mencatatkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat, setakat jam 6 petang semalam.

Berdasarkan bacaan dipaparkan menerusi laman web apims.doe.gov.my, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Putrajaya merekodkan bacaan IPU 101, manakala Shah Alam, 166.

Putrajaya turut merekodkan bacaan tertinggi pada jam 2.20 petang semalam iaitu IPU 114, manakala Shah Alam pula mencatatkan bacaan IPU 111 dan 106, masing-masing pada jam 4 dan 5 petang semalam.

47 lokasi catat IPU sederhana

Selain itu, 47 lokasi lain merekodkan bacaan IPU sederhana dan 17 lokasi lain pula berada pada bacaan IPU baik.

Hampir semua negeri di Semenanjung Malaysia merekodkan bacaan IPU sederhana, selain dua lokasi masing-masing di Miri, Sarawak dan Kimanis, Sabah.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat bacaan IPU terkini menerusi laman web apims.doe.gov.my milik JAS Kementerian Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar.

Bacaan IPU turut dipaparkan dalam tempoh setiap jam.

Maklumat cuaca terkini turut dipaparkan menerusi laman web MetMalaysia atau aplikasi myCuaca dan media sosial MetMalaysia.

Headline	Buang, bakar sampah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	12 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	112,050
Page No	46,47	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	906 cm ²
Journalist	NURIZZATIIZZAH NADZI	AdValue	RM 18,071
Frequency	Daily	PR Value	RM 54,213



UNIT BERITA KOTA 44, Jalan Utusan, Melalui Jalan Chan Sow Lin, 55200, Kuala Lumpur.
Facebook: Utusan Kota Twitter: @UtusanKota Laman web: www.utusan.com.my

Papan tanda larangan sekadar perhiasan, tidak dipeduli

Buang, bakar sampah



Oleh NUR IZZATIIZZAH NADZI
utusankota@gmail.com.my

■ KUALA LUMPUR 11 MAC

TIMBUNAN sampah dan pembakaran secara haram di sekitar belakang sebuah sekolah rendah Islam swasta di Jalan Persiaran Lestari Perdana, Seri Kembangan, Selangor telah mengakibatkan pencemaran udara sehingga menghalang aktiviti luar sekolah berkenaan.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di kawasan pembuangan sampah itu mendapati walaupun terdapat dua papan tanda larangan membuang sampah diletakkan di situ ia sekadar perhiasan semata-mata.

Berdasarkan perhatian terhadap pelbagai jenis sampah termasuk sampah pukal seperti perabot, sisir bahan binaan dan besi buruk memenuhi kawasan itu.

Ketika tinjauan, kelabit seorang pemungut besi buruk warga asing sedang leka memungut besi-besi dan barang yang masih diguna pakai untuk dijual.

Pengarah Eksekutif Sekolah Rendah Islam Integrasi Puncak Jali, Sheikh Mohd. Zaki Sheikh Abdul Rahman, 31, berkata pembuangan sampah secara haram oleh individu berkenaan berlaku sejak tujuh tahun yang lalu.

"Perbuatan membakar timbunan sampah di sini baru sahaja dilakukan."

"Kami sendiri melihat ada sebuah lori berhenti di tempat pembuangan sampah haram itu, kemudian

membakarnya. Individu itu menunggu sehingga api itu terpadam dan berlalu pergi.

"Bukan sekali dua mereka melakukan pembakaran itu tetapi kerap kali sehingga pihak sekolah terpaksa membatalkan aktiviti luar kerana bau asap yang datang dari tapak pembuangan mengganggu proses pembelajaran pelajar," katanya.

Sheikh Mohd. Zaki berkata, pihaknya sudah dua kali



Headline	Buang, bakar sampah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	12 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	112,050
Page No	46,47	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	906 cm ²
Journalist	NURIZZATIIZZAH NADZI	AdValue	RM 18,071
Frequency	Daily	PR Value	RM 54,213



PELBAGAI jenis sampah serta sisa binaan di buang di kawasan berkenaan.

memanjangkan isu berkaitan kepada Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan pemasangan papan tanda larangan telah dilakukan namun keadaan masih berterusan.

Peniaga, **Suhana Yon Chik**, 39, berkata, dia selalu menggunakan jalan itu untuk mengambil anak pulang dari sekolah dan akan melihat timbunan sampah yang dibuang semakin bertambah setiap hari.

"Perbuatan membuang sampah di situ bukan sahaja dilakukan individu malah terdapat juga lori pengutipan sampah perumahan di situ berbuat demikian.

"Kegiatan itu sering dilakukan pada waktu malam bagi mengelakkan perbuatan mereka dikesan," katanya.

Bukan sekali dua mereka melakukan pembakaran itu tetapi kerap kali sehingga pihak sekolah terpaksa membatalkan aktiviti luar kerana bau asap yang datang dari tapak pembuangan mengganggu proses pembelajaran pelajar."

**SHEIKH MOHD. ZAKI
SHEIKH ABDUL RAHMAN**



LONGGOKAN sampah memenuhi sepanjang taluan di Jalan Persiaran Lestari Perdana, Seri Kembangan, Selangor.

Headline	MPSJ tambah laluan Bas Smart Selangor		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	69,985
Page No	68	Readership	209,955
Language	Malay	ArticleSize	368 cm ²
Journalist	Subang Jaya	AdValue	RM 12,685
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,056



MPSJ tambah laluan Bas Smart Selangor

→ Kerajaan negeri biayai kos lebih RM1.25 juta

► Subang Jaya

Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) menambah laluan bagi perkhidmatan Bas Smart Selangor di kawasan pentadbirannya, menjadikan keseluruhan lima laluan di kawasan MPSJ.

Timbalan Pengarah Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik MPSJ, Azfarizal Abdul Rashid, dalam satu kenyataan semalam, berkata laluan baharu Bas Smart Selangor SJ05 itu dibayai sepenuhnya oleh kerajaan Selangor dengan kos lebih RM1.25 juta.

"Objektif perkhidmatan ini bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dan mengurangkan jumlah kenderaan per-

sendirian di jalan raya.

"Ini secara tidak langsung dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas dan pelepasan hidrokarbon, gas karbon dioksida dan gas karbon monoksida ke atmosfera, sekali gus menyokong hasrat MPSJ ke arah bandar hijau menjelang 2030."

"Empat bas disediakan untuk laluan baharu ini menjadikan keseluruhan 20 Bas Smart Selangor MPSJ," katanya.

Pelancaran laluan baru SJ05 itu dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Negeri, Ng Sze Han. Yang turut hadir, Ahli Dewan Negeri (ADUN) Seri Kembangan, Ean Yong Hian Wah.

Lima laluan

SJ05 meliputi beberapa kawasan di Taman Pinggiran Putra, Taman Equine, Taman Universiti, Taman Bukit Serdang, Kampung Baru Seri Kembangan dan Taman Serdang Jaya sejauh 27.44 kilometer dengan kekerapan masa perjalanan selama 25 hingga 35 minit.



Sze Han (tiga dari kanan) mendengar taklimat Timbalan Yang Dipertua MPSJ, Zulkurnain Che Ali pada majlis pelancaran laluan baharu SJ05 Bas Smart Selangor di Subang Jaya, semalam.

Pertambahan laluan baharu itu menjadikan pentadbiran MPSJ ini mempunyai lima laluan berbanding sebelum ini, termasuk laluan SJ 01 Subang Jaya (USJ 7-SS16), SJ 02 Subang Jaya-Puchong (SS18-Pusat Bandar Puchong) dan

SJ 03 Puchong Jaya-Kinrara (Jalan Tiong-Kinrara 5).

Dua lagi laluan ialah laluan SJ 04 Serdang-Seri Kembangan-Serdang Jaya-UPM (KTM Komuter Serdang-Hospital Serdang) dan SJ 05 Taman Equine-Bukit Serdang-Taman Ser-

dang Jaya.

Perkhidmatan bas percuma Smart Selangor ini bermula dari jam 6 pagi hingga 10 malam, tujuh hari seminggu dan akan bermula di Jalan Putra Permai (Mc Donalds Taman Equine).

Headline	MPSJ tambah laluan khidmat Bas Smart Selangor		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	12 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	17	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	46 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,812
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,436



MPSJ tambah laluan khidmat Bas Smart Selangor

Seri Kembangan: Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) menambah laluan bagi perkhidmatan Bas Smart Selangor di kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT) itu bagi memberikan perkhidmatan kepada masyarakat menjadikan keseluruhan laluan di kawasan MPSJ sebanyak lima laluan. Laluan Bas Smart Selangor SJ05 dibiayai sepenuhnya kerajaan negeri Selangor dengan kos RM1,252,080.

Headline	'Lima tahun saya merana'		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Full Color
Date	12 Mar 2019	Circulation	112,705
Section	Setempat	Readership	338,115
Page No	27	ArticleSize	435 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 17,136
Journalist	N/A	PR Value	RM 51,409
Frequency	Daily		



Mohamad Hussin
mohamad_hussin@-
hmetro.com.my

Petaling Jaya

'Lima tahun saya merana'

■ Wanita tertekan sikap jiran yang tidak mau baik pulih rumah terbiasa

Saya merana selama lima tahun kerana sikap jiran yang tidak mau membantu pulih rumahnya yang terbiasa sehingga mengundang pelbagai masalah termasuk pembiahan nyamuk aedes.

"Lebih teruk apabila saya kerap mengalami batuk, demam dan selesma," kata Angie Poon, 40, yang tertekan selepas dinding rumahnya turut merekah dan rosak di Lorong 14/3, Seksyen 14.

Menurutnya, perkara itu sudah diajukan kepada Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) DAN pemilik rumah terbabit, bagaimanapun jawapan yang diterima pihaknya sangat mengecewakan.

"Lima tahun lalu, rumah saya pernah terbakar diperdayai akibat litar pintas dan api merebak ke rumah jiran. Sejak dari itu, pemilik rumah terbabit tidak membantu pulih semula rumahnya dan dibiar tanpa penjagaan."

"Lama kelamaan rumah itu dipenuhi semak samun dan bimbang akan menjadi sarang binatang berbisa se-



ANGIE menunjukkan rumah terbiasa tanpa penghuni sejak lima tahun lalu. Gambar kecil, kesan lembap dan merekah di bahagian bilik tidur.

perti ular. Saya ada buat aduan kepada MBPJ mengenai perkara itu dan mereka

berkenaan pada Januari lalu.

"Namun, rumah ini masih

terbiasa dan tidak dijaga de-

ngan baik oleh pemiliknya hingga membulkan rasa kurang senang penduduk,"

katanya yang ditemui di ru-

mahnya, semalam.

Angie berkata, bumbung dan dinding rumah berke-

naan juga mengalami ke-

rosakan kerana tidak tertutup menyebabkan air hujan masuk ke dalam rumah dan bertakung dihukari menjadi tempat pembiahan nyamuk aedes.

"Sebelum pihak berkuasa tempatan (PBT) datang membersihkan kawasan rumah ini, ia dipenuhi dengan lalang, sampah dan semak samun sehingga menjadikan kawasan persekitaran."

"Malah, dinding bilik utama saya turut mengalami kerosakan dan merekah kerana air hujan mengalir di rumah sebelah. Kesan daripada itu, saya tidak dapat tidur dengan nyenyal kerana bimbang dinding ini akan runtuh sekiranya dibiar tanpa dibaik pulih."

"Saya kerap mengalami batuk, demam dan selesma kerana tidak tahan dengan bau dan habuk dinding yang sudah diserap air," katanya.

Menurutnya, dia terpaksa mengeluarkan modal RM700 bagi memasang jaring di tingkap dan pintu rumah kerana bimbang nyamuk aedes yang boleh menyebabkan denggi.

Headline	Putrajaya, Shah Alam catat IPU tidak sihat		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	12 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	27	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	171 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,711
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,133



MASJID Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah kelihatan kabur ekoran jerebu melanda di sekitar Shah Alam.

Putrajaya

Putrajaya, Shah Alam catat IPU tidak sihat

Putrajaya dan Shah Alam, Selangor mencatatkan bacaan indeks pencemaran (IPU) tidak sihat, setakat jam 6 petang semalam.

Berdasarkan bacaan yang dipaparkan menerusi laman web apims.doe.gov.my, Jabatan Alam Sekitar, Putrajaya merekodkan bacaan IPU 101, manakala

Shah Alam pula IPU 166.

Putrajaya turut merekodkan bacaan tertinggi pada jam 2 petang semalam iaitu IPU 114 manakala, Shah Alam pula mencatatkan bacaan IPU 111 dan 106 masing-masing pada jam 4 dan 5 petang semalam.

Selain itu, 47 lokasi lain

merekodkan bacaan IPU sederhana manakala, 17 lokasi lain pula berada pada bacaan IPU baik.

Hampir semua negeri di Semenanjung merekodkan bacaan IPU sederhana selain dua lokasi masing-masing di Miri, Sarawak dan Kimanis, Sabah.

Headline	'Terima kasih ALLAH'		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	12 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	17	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	369 cm ²
Journalist	MUHAMMAD AMINURALIF MOHD ZOKI	AdValue	RM 6,294
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,882



'Terima kasih ALLAH'

Bekas pengamal LGBT kongsi cerita kembali ke pangkal jalan

MUHAMMAD AMINURALIF MOHD ZOKI

SHAH ALAM

Hampir 40 tahun saya lupa akan Dia, namun tatkala saya ditimpak sakit yang agak teruk, ia membuktikan saya sedar akan hakikat hidup yang sebenar, demikian cerita seorang bekas transgender.

Shah (bukan nama sebenar) berkata, selepas 40 tahun, dia mahu kembali membetulkan kesilapannya.

"Saya menjadi tertarik kepada lelaki seawal umur belasan tahun dan kalau diingatkan kembali, ia waktu yang amat rugi sepanjang hidup."



Haris (sembilan, kanan) bergambar bersama peserta Seminar Keibubapaan Mengenai LGBT bertajuk Keliru dan Kelabu bertempat di Masjid Negeri, semalam.

"Sesal dan kesal rasanya, namun sebagai pengajaran saya kongsikan kepada semua sebagai teladan, biar saya saja yang melalui," katanya.

Shah antara tiga bekas pengamal Lesbian, Gay, Biseksual, Transgender (LGBT) yang dijemput berkongsi pengalaman pada Seminar Keibubapaan Mengenai LGBT bertajuk Keliru dan Kelabu bertempat di Auditorium Dahlia, Dewan Muzakkarah dan Syarahan

Islam, Masjid Negeri semalam.

Katanya, setelah sekian lama dinoda dalam keadaan lupa kepada ALLAH, dia diuji apabila jatuh sakit pada usia 48 tahun.

"Ketika itu, saya tertanya ke mana saya perlu memohon, saya jadi tertanya, bayangkan tikar sejадah tidak saya sujud walau sekali selama 40 tahun itu."

"ALLAH masih sayangkan saya dia buka pintu hidayahnya, lama kelamaan saya kembali ke-

pada ajaran Islam yang sebenar dan meninggalkan kehidupan lama yang penuh dosa," katanya.

Menurutnya, dia bersyukur kerana sempat untuk kembali ke pangkal jalan.

"Apa yang saya pinta adalah bantulah dan bimbanglah kami, jangan sesekali sisihkan, mereka yang kita gelar maknyah, pondan, atau sebagainya ini, perlu dibimbing ke arah jalan yang benar."

"Alhamdulillah, saya dibim-

bing oleh Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS), dan beberapa pihak kini pula saya merupakan antara sukarelawan yang giat aktif membantu mereka yang senasib seperti saya dahulu," katanya.

Sementara itu, Din (bukan nama sebenar), 50, berkata, apa yang dikongsikan mengenai LGBT bukan mahu disensasikan.

"Apa yang saya mahu ceritakan kepada hadirin adalah berkenaan aib sebenarnya. Jadi sebagai aib, ia bukan perkara yang perlu disensasikan, tidak sekali dibanggakan, namun atas dasar tanggungjawab saya ceritakan," katanya.

Perkongsian selama hampir dua jam itu turut menggariskan penekanan terhadap aspek-aspek keluarga, peranan ibubapa dan masyarakat terhadap Pencegahan ke arah berlakunya LGBT ini.

Program berkenaan dianjurkan oleh Bahagian Dakwah JAIS bersama Perkim Selangor.

Majlis dirasmikan oleh Pengarah JAIS, Datuk Haris Kasim.

Headline	LGBT: Kurang penghayatan agama antara punca		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	12 Mar 2019	Color	Black/white
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	17	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	180 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,772
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,317



LGBT: Kurang penghayatan agama antara punca

SHAH ALAM - Kurang penghayatan agama antara faktor berlakunya penularan LGBT.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Haris Kasim berkata, walaupun pendidikan agama itu telah diberikan sejak kecil, namun pengamalan kehidupan beragama agak kurang oleh individu menyebabkan mereka cenderung ke arah LGBT.

"Golongan yang terlibat dengan LGBT tidak dapat membekalkan antara perkara yang baik mahupun perkara yang buruk.

"Hal ini menyebabkan mereka mudah terpengaruh dengan rakan dan faktor sekeliling yang mendedahkan kepada golongan LGBT," katanya ketika berucap merasmikan Seminar Keibubapaan Mengenai LGBT bertajuk Keliru dan Kelabu bertempat di Auditorium Dahlia, Dewan Muzakarah dan Syaran Islam, Masjid Negeri semalam.

Katanya, konflik keluarga juga merupakan penyumbang kepada masalah LGBT.

"Masalah dalaman keluarga yang dialami oleh remaja menyebabkan mereka mencari keseronokan di luar rumah melalui perhubungan dengan rakan sejenis yang dianggap boleh menggantikan ibu bapanya.

"Kekurangan komunikasi dengan ibu bapa juga menyumbang kepada masalah ini serta kesibukan ibu bapa yang bekerja dan kekurangan masa yang diluangkan dengan anak-anak menyebabkan mereka mencari kasih sayang dan perhatian melalui hubungan dengan rakan yang sejenis," katanya.

Menurutnya, walaupun cara hidup ini telah sampai di Malaysia, namun masyarakat telah menolak untuk menerima golongan ini kerana cara hidup LGBT ini tidak selari dengan cara yang te-

lah diajar oleh Islam.

"Adalah lebih sedih lagi apabila golongan ini juga telah sekali digelar sebagai Islam dan mendapat tuntutan ilmu yang mendalam tentang Islam.

"Dalam sejarah, kehidupan LGBT ini bukanlah suatu yang baharu. Ia sudah pun wujud sejak zaman Nabi Luth AS lagi sebagaimana ALLAH SWT berfirman dalam surah al-A'raf ayat 80-81," katanya.

Jelasnya dalam Islam, LGBT adalah perbuatan mungkar yang dilaknat dan diharamkan oleh Allah samada dilakukan secara terus terang atau sembunyi.

"LGBT juga perbuatan dosa besar dan terkutuk yang menyalahi hak kemuliaan seseorang manusia.

"Sekali gus manafikan hak berhubungan melalui perkahwinan yang sah dan diiktiraf syarak," katanya.

Headline	Warga asing kena bayar		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	12 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	18	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	366 cm ²
Journalist	ASYRAF MUHAMMAD	AdValue	RM 6,243
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,729



Warga asing kena bayar

Selangor kaji caj warga asing guna bas Smart Selangor

ASYRAF MUHAMMAD

SERI KEMBANGAN

Kerajaan Selangor sedang melakukan kajian bagi mengenalpasti mekanisme terbaik untuk mengenakan caj kepada warga asing yang menggunakan perkhidmatan bas Smart Selangor sejak semalam.

Exco Jawatankuasa Tempat Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru, Ng Sze Han berkata, kajian itu dibuat selepas kerajaan menerima banyak aduan mengenai warga asing yang mengambil ke-

sempatan menggunakan perkhidmatan bas percutia itu.

Beliau berkata, hasil kajian dijangka diketahui selewat-lewatnya tahun hadapan.

"Kita sedang kenal pasti mekanisme terbaik untuk mengenakan caj sama ada melalui tunai atau cashless dan kadar yang akan dikenakan juga masih dalam peringkat kajian," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Perasmian Perkhidmatan Bas Smart Selangor bagi laluan Bas SJ05, semalam.

Mengulas lanjut, Sze Han berkata, warga tempatan dan asing yang menggunakan perkhidmatan bas Smart Selangor akan dikenakan caj melalui kad pengenalan atau pasport bagi membolehkan caj dikenakan.

Beliau berkata, kerajaan



Warga asing yang menggunakan perkhidmatan bas Smart Selangor akan dikenakan caj selepas ini.

negeri menyedari kebanyakannya pelajar tidak membawa kad pengenalan ketika ke sekolah dan satu kajian juga akan dilaksanakan mengenai perkara itu.

"Tahap kesedaran

masyarakat juga perlu ditingkatkan bagi memastikan inisiatif yang dilaksanakan kerajaan negeri mencapai matlamat dikehendaki," katanya.

Dalam pada itu, Sze

Han berkata, pihaknya merancang untuk menukar bas Smart Selangor di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Sepang (MP-Sepang) kepada bas mini yang lebih kos rendah dan efektif di kawasan berkenaan.

"Buat masa ini juga, kita tidak akan menambah laluan baharu berikutnya tiada bajet tambahan bagi tahun ini," katanya.

info

Kerajaan negeri rancang tukar bas Smart Selangor di bawah pentadbiran MP-Sepang kepada bas mini

ak laluan.

Beliau berkata, jumlah penumpang di kawasan berkenaan agak rendah tetapi perkhidmatan itu masih diperlukan berikutan populasi penduduk agak tinggi.

"Jadi, untuk memastikan pelaksanaannya efektif, kerajaan negeri akan guna bas mini yang lebih kos rendah dan efektif di kawasan berkenaan.

"Buat masa ini juga, kita tidak akan menambah laluan baharu berikutnya tiada bajet tambahan bagi tahun ini," katanya.

Headline	Laluan bas diperluas		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	12 Mar 2019	Color	Black/white
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	19	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	62 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 610
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,831



Laluan bas diperluas

SERI KEMBANGAN

- Perkhidmatan bas Smart Selangor di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) diperluaskan bagi memberi kemudahan pengangkutan awam percuma buat penduduk di kawasan berkenaan.

Exco Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kamping Baru Selangor, Ng Sze Han berkata, kerajaan negeri telah bersetuju untuk menambah satu laluan baharu iaitu SJ05 di bawah MPSJ dan menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak lima laluan bas di kawasan berkenaan.

Beliau berkata, pelancaran laluan berkenaan merupakan satu perkhabaran baik buat penduduk di Dun Seri Kembangan dan Dun Seri Serdang.

Headline	Komited laksana pembangunan Sungai Klang		
MediaTitle	Sinar Harian	Color	Full Color
Date	12 Mar 2019	Circulation	160,000
Section	Selangor & KL	Readership	509,000
Page No	22	ArticleSize	113 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 1,928
Journalist	N/A	PR Value	RM 5,783
Frequency	Daily		



Komited laksana pembangunan Sungai Klang

PEMERBADANAN Menteri Besar (MBI) Selangor mengenal pasti lokasi berasaskan transit sepanjang Sungai Klang bagi memulihara dan membangunkan kawasan itu.

Ketua Pegawai Eksekutif Pemerbadan Menteri Besar (MBI), Raja Shahreen Raja Othman berkata, pihaknya komited melakukan usaha pemuliharaan Sungai Klang.

"Kita berharap pembangunan Sungai Klang ini menyemarakkan ekonomi negeri dalam jangka masa panjang melalui ekonomi maritim," katanya.

Raja Shahreen memberitahu, usaha penyelenggaraan dan membersih Sungai Klang dilaksanakan sejak 2015 lagi.

"Sehingga kini sebanyak 40,000 tan metrik sisa pepejal dipungut," katanya.

Menurut beliau, pembangunan pesisir pantai Sungai Klang yang dikenali sebagai 'Selangor Maritime Gateway (SMG) merupakan projek pembangunan ekonomi jangka masa panjang.

Projek SMG akan menjadikan

konsep penjanaan semula bandar membabitkan industri perhotelan, perdagangan, pelancongan, perumahan serta industri perkhidmatan.

Projek itu meliputi keluasan kawasan kira-kira 55,612 hektar sepanjang pesisir Sungai Klang.

Perlaksanaan projek itu juga dapat meningkatkan tahap kebersihan kualiti air dalam lembangan dan rizab sungai sekurang-kurangnya, pada tahap kedua indeks kualiti air.

Headline	Penyumbang terbesar KDNK		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	12 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	22	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	388 cm ²
Journalist	Mohd Izzatul Izuan Tahir	AdValue	RM 6,618
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,855



Penyumbang terbesar KDNK

**Selangor wakili
23 peratus
tahun lalu
dengan nilai
RM235.4 bilion**

MOHD IZZATUL
IZUAN TAHIR

SHAH ALAM

Selangor menjadi negeri penyumbang terbesar negara dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun lalu dengan sumbangan 23 peratus.

Ketua Pegawai Eksekutif MBI, Raja Shahreen Raja Othman berkata, nilai itu mencecah RM235.4 bilion yang merupakan tertinggi antara semua negeri di negara ini.

Malah, katanya, pelaburan langsung asing (FDI) Selangor bagi sektor perkilangan sahaja



Raja Shahreen (kanan) ditemubual oleh Wartawan Sinar Harian, Mohd Izzatul Izuan Tahir pada sesi Sinar Live, semalam.

tahun lalu mencecah 8.2 bilion.

"Ini kelebihan di Selangor yang dari segi geografinya terletak di tengah

rantau Asia Tenggara.

"Malah, kita beruntung kerana terdapat dua lapangan terbang di negeri ini iaitu di Subang

dan Sepang menarik kehadiran pelancong ke negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada Wawancara

Sinar Live 'Selangor Menuju Negeri Lestari' di sini, semalam.

Raja Shahreen berkata, selain itu, kepadaan

penduduk berjumlah kira-kira 6.4 juta juga antara penyumbang besar kepada ekonomi negeri itu.

"Malah, dalam sektor pendidikan pengajian tinggi awam dan swasta kita mempunyai lebih 120 pusat pengajian seluruh negeri.

"Penduduk di negeri ini beruntung kerana hasil kekayaan negeri ini diagharkan untuk menyediakan perkhidmatan terbaik kepada rakyat," katanya.

Imbas kod QR untuk rakaman penuh FB live ini



atau layari
<https://bit.ly/2VPJgN7>

Headline	32 waris terima SMUE		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	12 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	24	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	216 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,684
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,052



Waris yang menerima SMUE berterima kasih kepada kerajaan negeri.

32 waris terima SMUE

PANDAN INDAH – Seramai 32 waris Skim Mesra Usia Emas (SMUE) di DUN Pandan Indah telah menerima manfaat skim tersebut yang dianjurkan oleh kerajaan negeri, baru-baru ini

Pengurus Pusat Khidmat Masyarakat DUN Pandan Indah, Nariza Zain berkata, sumbangan sebanyak RM2,500 diberikan kepada waris tersebut sebagai mengurangkan kos pengurusan kematian.

“Tujuan skim ini diwujudkan adalah untuk meringankan beban pewaris dalam menyelesaikan segala urusan yang

berkaitan dengan si mati, seperti pembayaran keseluruhan atas sebahagian kos pengurusan jenazah dan pengbumian.

Nariza berkata, rakyat Selangor yang mengetahui manfaat skim SMUE, tidak melepaskan peluang untuk mendaftarkan diri untuk ahli keluarga terutama untuk ayah dan ibu mereka yang berusia 60 tahun keatas.

“SMUE merupakan antara program terkandung dalam Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) yang diperkenalkan Kerajaan Negeri Selangor sejak 2008,” katanya.

Headline	Belum siap sudah beroperasi		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	12 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	24	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	336 cm ²
Journalist	AHMAD ISMADI ISMAIL	AdValue	RM 5,731
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,194



Belum siap sudah beroperasi

**Tanah
Perkuburan
Islam Ukay
Perdana dibuka
lebih awal**

AHMAD ISMADI ISMAIL

AMPANG

Infrastruktur dan fasiliti di Tanah Perkuburan Islam Ukay Perdana dijangka akan siap sepenuhnya pada Mei ini, bagaimanapun ia telah mula 'beroperasi' sejak awal bulan ini.

Ahli Majlis Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Suzana Shaharudin berkata, ia susulan ta-

nah perkuburan Islam Kampung Kemensah ham-pir penuh.

"Untuk makluman, tarikh sebenar serah tanah perkuburan Ukay Perdana fasa 1 daripada kontraktor kepada MPAJ adalah pada Mei depan. Namun kerana keperluan, ia dibuka lebih awal," katanya.

Suzana berkata, fasiliti di tanah perkuburan itu bagaimanapun belum lengkap.

"Kita telah memohon penduduk bersabar terhadap kekurangan fasiliti ini," katanya.

Beliau berkata, pihaknya juga mengadakan mesyuarat di antara wakil-wakil Masjid Ukay Perdana dan Masjid Bukit Antara-bangsas bersama Pengarah Jabatan Belia, Masyarakat

info

Jenazah pertama dikebumikan merupakan penduduk dari Pangaspuri Sri Impian, Ukay Perdana

dan Landskap, MPAJ serta wakil Ahli Parlimen Ampang di Tanah Perkuburan Ukay Perdana, baru-baru ini.

"Beberapa isu dan usul telah dibincangkan dalam mesyuarat tersebut," katanya.

Menurutnya, masyarakat harus memahami bahawa status tanah perkuburan ini adalah 'separa buku' kerana 'urgency' penggunaannya, maka secara dasarnya ia belum



Suzana (lima, kanan) turun padang melihat sendiri perkembangan Tanah Perkuburan Islam Ukay Perdana.

dibuka secara rasmi kerana kerja-kerja Fasa 1 masih belum diselesaikan sepenuhnya.

"Saya dimaklumkan bahawa jenazah pertama merupakan penduduk dari Pangaspuri Sri Impian,

Ukay Perdana selamat dikebumikan di tanah perkuburan itu pada 4 Mac lalu," katanya.

Headline	Sungai busuk, air hitam		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	12 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	33	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	614 cm ²
Journalist	ARZIANA MOHMAD AZAMAN	AdValue	RM 10,473
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,420



Isu pencemaran yang tiada kesudahan

ARZIANA MOHMAD AZAMAN

JERAM

Isu pencemaran sungai dan berminyak di Kampung Bagan Sungai Buloh, di sini masih berlarutan dan menjadi rungutan nelayan.

Lebih dikesalkan, isu berkenaan yang dipanjangkan kepada agensi berkaitan sejak beberapa tahun lalu seolah-olah tiada penyelesaian.

Wakil nelayan, Kahar Buntal, 67, mendakwa, sebelum ini sisa kilang yang dibuang menjadi punca air sungai tercemar memandangkan paip saluran keluar dipasang di dalam tanah.

Menurutnya, akibat itu aliran air menjadi hitam dan selepas diselidik, ada paip saluran sisa kilang dipasang di dalam tanah bagi mengelakkan dikenas pihak berkuasa.

"Kami sudah buat siasatan sendiri di sepanjang sungai itu sehingga ke kawasan kilang. Kami buat semua ini kerana sudah tidak dapat menanggung derita bau busuk setiap hari," katanya.

Menurutnya, pencemaran air baru-baru ini dikesan terlalu teruk daripada kunci air bersebelahan yang didakwa daripada sisa kolam udang yang dibuang turus ke laut.

"Kami periksa punca sisa kumbahan tu datangnya dari kolam udang berhampiran sebab aliran air dari kunci air yang dikenal pasti... jadi isu ini sepatutnya diberikan perhatian oleh pihak berkaitan," katanya.

Kahar memberitahu, sudah beberapa kali perbincangan dilakukan bersama agensi terbabit namun pencemaran masih berlarutan.



Sungai busuk, air hitam

Air dikatakan berminyak dan didakwa daripada sisa kumbahan berdekatkan.

Tak macam dulu

Menurut Kahar, hasil kerang nelayan didakwa semakin berkurangan dan hanya tinggal cengkerangan.

"Bila fikirkan nasib nelayan di kawasan ini yang harapkan hasil kerang untuk hidup, kami tak sanggup lagi berdepan masalah pencemaran ini sebab nak dapatkan hasil yang lumayan cukup susah."

"Tak macam dulu, kami muadah nak dapatkan lebih 10 guni kerang untuk dijual tapi sekarang ikut nasib..kalau selalu hujan dan air tercemar mengalir terus ke laut, mungkin kawasan penteranagan tak terjejas teruk," katanya.

Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Sungai Buloh, Rozaimi Zainal memaklumkan, pihaknya menerima aduan mengenai pencemaran

info

- Perlu siasat kesahan dakwaan pencemaran daripada kilang
- Banyak kerang mati dan sukar dapat hasil
- Nelayan dakwa ada paip saluran sisa kilang

an itu sejak sebulan lalu.

"Sebenarnya pencemaran ini sudah lama berlarutan namun paling teruk beberapa minggu lalu apabila air bertukar kelhitaman, berminyak dan busuk."

"Jadi saya terpanggil untuk bawa wakil rakyat ke sini menjenguk kawasan ini supaya perkara ini mendapat perhatian sewajarnya," katanya.



Rozaimi menunjukkan kesan pencemaran kepada Juwairiya ketika kunjungan mengejut di jeti nelayan itu.

Headline	Lawatan mengejut		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	12 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	33	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	175 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,985
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,955



Lawatan mengejut



Juwairiya (tengah) mendengar aduan nelayan berhubung isu pencemaran di Bagan Sungai Buloh.

SEMENTARA itu, ADUN Bukit Melawati, Juwairiya Zukifli berkata, pihaknya turut melawat kawasan jeti nelayan terbabit selepas perkara itu dimaklumkan.

"Saya buat lawatan mengejut bersama ketua kampung dan difahamkan isu ini sudah berlarutan sejak dahulu.

"Nelayan mendakwa isu pencemaran ini berpunca daripada sisa kilang sama ada di Ijok atau Parit Mahang tetapi kita perlu siasat kesahihaninya," katanya.

Tegasnya, pihaknya akan memohon kerjasama jabatan berkaitan untuk menyiasat punca sebenar pencemaran.

"Keadaan ini menjelaskan habitat sungai dan hasil laut.

Tindakan tegas perlu diambil kepada pihak yang menjadi punca pencemaran air di kawasan ini," katanya.

Ketua Perikanan Daerah Kuala Selangor, Mohd Fazlan Abdul Ghani mengakui, isu itu sudah lama berlarutan.

"Pihak jabatan pun sudah bekerjasama dengan nelayan di situ dengan memanjangkan kepada pihak berkaitan termasuk Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Jabatan Alam Sekitar.

"Kami pernah mengadakan perbincangan dalam satu mesyuarat jawatankuasa pencemaran di bawah LUAS sebelum ini. Bagaimanapun perkara ini tetap berulang," katanya.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Department of Environment (DOE) (Department Of Environment	6	0	RM 0
Lembaga Urus Air Selangor(LUAS) (Lembaga Urus Air	1	0	RM 0
Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor Sdn Bhd)	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	New Muslim cemetery in Ampang		
MediaTitle	The Star		
Date	12 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Metro	Circulation	201,943
Page No	1,4	Readership	605,829
Language	English	ArticleSize	419 cm ²
Journalist	SHALINI RAVINDRAN	AdValue	RM 22,438
Frequency	Daily	PR Value	RM 67,314



NEWS

New Muslim cemetery carved out of forest reserve now open
>4



New Muslim cemetery in Ampang

MPAJ expedites first phase of facility as other graveyards almost full

By SHALINI RAVINDRAN
shaliniravindran@thestar.com.my

A NEW Muslim cemetery has opened in Ukay Perdana, Ampang Jaya, bringing an end to fears that the area would be without any burial space.

Measuring 20.2ha, it is the biggest cemetery within the Ampang Jaya municipality.

About 2,000 burial plots were allocated for Phase 1 of the project, comprising over 2.42ha of the total site.

Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) president Abdul Hamid Hussain said the site was part of the Ampang Forest Reserve that was gazetted.

"The state replaced the land with forested land and it was then gazetted as a cemetery."

"Phase 1 has been developed at a cost of RM1.2mil with funding from the state," he said after a council full board meeting.

He added that the cemetery was supposed to be completed by the end of March, but the opening was expedited because other ceme-



The Ukay Perdana Muslim cemetery is open ahead of schedule.

ries were almost at full capacity.

"We requested the contractors to hand over a completed portion so it could be used from March 1," he said.

With the new site, Ampang Jaya now has nine cemeteries within the municipality; five of which

come under the management of the council which are located in Bukit Permai, Taman Kosas, Taman Cheras Baru, Kampung Kemensah and Ukay Perdana.

Out of those, Abdul Hamid said the cemetery in Taman Cheras Baru had 200 available plots, while

the rest were full.

During a site visit with MPAJ, residents and mosque representatives, councillor Suzana Saharudin was happy that the people finally had burial plots.

"There is still some work to be done, including building a proper

entryway and tarring the road, so we hope the public will be patient," she said.

Masjid Bukit Antarabangsa former deputy nazir (administrator) Albakri Ali hopes the mosque will be allowed to manage the cemetery.

"For now, residents have to call their nearest mosque or surau and they will contact MPAJ to arrange for the burial plots."

"We hope Masjid Bukit Antarabangsa will be given the mandate for funeral arrangements," he said.

In a related matter, councillor D. Nallan hopes MPAJ will look into arranging a site for a Hindu cemetery within the municipality.

"There is only one Hindu cemetery along Jalan Kerja Ayer Lama, which is also at full capacity."

"Although most Hindus are cremated, there are some who are buried."

"The nearest crematorium is in Cheras, which is quite far," he said, adding that they had requested for a cemetery and crematorium for more than 10 years.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Construction Industry Development Board (CIDB) (Industry News -	1	0	RM 0
Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) (Majlis Perbandaran	6	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

NEWS New Muslim cemetery carved out of forest reserve now open >4 S .WSiiS

MPAJ expedites first phase of facility as other graveyards almost full

A NEW Muslim cemetery has opened in Ukay Perdana, Ampang Jaya, bringing an end to fears that the area would be without any burial space. Measuring 20.2ha, it is the biggest cemetery within the Ampang Jaya municipality.

Headline	Residents paying the cost for poor maintenance		
MediaTitle	The Star		
Date	12 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Metro	Circulation	201,943
Page No	1TO3	Readership	605,829
Language	English	ArticleSize	2204 cm ²
Journalist	OH ING YEEN	AdValue	RM 117,574
Frequency	Daily	PR Value	RM 352,722



Miserable existence

Residents of Taman Desaria in Petaling Jaya are struggling to deal with numerous problems afflicting them at the low-cost flats. >2&3



Surrounded by issues: Taman Desaria residents have to put up with a poor living environment. — SAM THAM/The Star

Headline	Residents paying the cost for poor maintenance		
MediaTitle	The Star		
Date	12 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Metro	Circulation	201,943
Page No	1TO3	Readership	605,829
Language	English	ArticleSize	2204 cm ²
Journalist	OH ING YEEN	AdValue	RM 117,574
Frequency	Daily	PR Value	RM 352,722



An illegal dumping ground at the compound of the Taman Desaria flats. — Photos: SAM THAM/The Star

Residents paying the cost for poor maintenance

Low collection of monthly fees results in a host of problems



Residents are worried that the wire mesh fence may become a conductor for lightning during a storm.

By OH ING YEEN
ingyeen@thestar.com.my

